

# UMS ada banyak peluang untuk menyerlah

UB 05.07.2012 A5

Oleh NIK JASNI CHE JAAFAR  
nikjasni.ub@gmail.com

**KOTA KINABALU:** Universiti Malaysia Sabah (UMS) mempunyai banyak potensi untuk menyerlahkan kepakaran mereka dalam empat sektor utama iaitu pertanian, pelancongan, akuakultur dan pembuatan yang menjadi fokus Sabah.

Dengan kemudahan infrastruktur yang lengkap, UMS tidak berhadapan banyak masalah untuk merealisasikan usaha itu.

Pendapat tersebut dinyatakan oleh bekas Pengarah Urusan Kumpulan UMS Link Holdings Sdn Bhd ULink), Prof Dr Roselina Ahmad Saufi.

Menurut beliau, UMS mempunyai banyak peluang untuk menyerlah di negeri ini dengan memberi sumbangan dalam bidang-bidang yang perlu.

"Bagaimanapun, UMS masih perlu memantapkan pengisian yang perlu dilaksanakan dan menterjemahkan istilah 'universiti rakyat' itu melalui kerjasama padu dengan masyarakat dan industri," katanya ketika dihubungi Utusan Borneo, kelmarin.

Beliau yang kini berkhidmat sebagai Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Universiti Malaysia Kelantan (UMS) berkuatkuasa 2 Mei lepas juga berkata, pembangunan modal insan adalah elemen penting bagi menjayakan hala tuju pembangunan negeri.

"Sabah mempunyai banyak potensi untuk maju, tetapi tumpuan harus diberikan kepada pembangunan modal insan melalui pemantapan pendidikan, termasuk bidang



ROSELINA

vokasional," katanya.

Beliau berpendapat, dalam membantu membangunkan negeri, UMS juga boleh menterjemahkan strategi yang dirangka mereka melalui tindakan yang boleh diukur impaknya.

"Modal insan berkualiti amat diperlukan bagi menggerakkan empat sektor utama di Sabah," kata beliau.

Ditanya tentang UMK, beliau berkata sebagai universiti baru, banyak perkara yang boleh dilaksanakan di universiti terbabit merangkumi aspek pembangunan akademik, pelajar, kakitangan dan infrastruktur universiti.

"UMK amat menarik. Sebagai universiti ke 19 daripada 21 universiti awam di Malaysia, banyak yang boleh dibuat untuk bawa universiti ke peringkat lebih tinggi.

"Paling penting, UMK kini sedang menggiatkan usaha untuk menjadi universiti keusahawanan.

"Kerana itu, program yang ada di universiti ini, sama ada sains atau bukan sains menerapkan elemen



**PENGERUSI Kumpulan UMS Link, Datuk KY Mustafa menyerahkan cenderaknangan kepada Roselina.**

keusahawana bagi menghasilkan graduan yang ada nilai-nilai keusahawan," katanya.

Menurut beliau, matlamat itu termasuk dalam azam khidmatnya setelah berpindah ke universiti itu sejak Mei lalu.

"Seperti yang kita tahu, Kelantan terkenal dengan kekayaan warisan seni dan budaya.

"Jadi, kita melihat ada ruang untuk meningkatkan teknologi dan inovasi dalam ruang itu bagi adikannya produk keusahawanan sosial," kata beliau.

Seiring usaha itu, tambahnya, UMK bakal memiliki Pusat Penyelidikan dan Inovasi Keusahawanan Global (Global Entrepreneurial Research & Innovation Centre - GERIC) yang bakal dilancarkan oleh Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mohd Khaled Nordin pada 19 Julai ini.

Katanya, pusat ini bakal

menjadi platform kepada UMK bagi menggerakkan usaha ke arah memartabatkan bidang keusahawanan .

Dalam pada itu, beliau berkata pembelajaran tidak harus terhad kepada sesi dalam dewan kuliah sahaja.

"Universiti harus beri peluang kepada pelajar untuk dapat pengalaman dalam industri.

"Di UMK, kita cuba melaksanakan sekurang-kurangnya 30 peratus daripada pembelajaran dan pengajaran adalah di luar, sama ada dalam masyarakat atau industri," katanya

Anak kelahiran Kuala Lumpur yang berada di Sabah selama 11 tahun ini turut berkongsi pendapatnya tentang Sabah.

Di ULink, beliau menjawat jawatan sebagai Pengarah Urusan Kumpulan sejak 2006.

"Sesiapa pun tidak dapat menafikan keindahan yang ada pada negeri ini.

"Padasaya, Sabah telah memberi banyak peluang kepada saya untuk menyumbang pengetahuan dan kepakaran yang saya ada bagi peningkatan pembangunan modal insan," katanya.

Menurutnya, usaha itu dapat dijelaskan melalui program seperti pembelajaran sepanjang hayat, program melibatkan komuniti dan peningkatan pelajar antarabangsa terutamanya dari China dan Turki.

"Saya amat berterima kasih kepada kerajaan negeri dan UMS yang telah memberi peluang. Juga kepada semua pihak yang memberi kerjasama padu sepanjang berkhidmat di Sabah," katanya.

Berpegang kepada prinsip 'kerja keras dan fahami lokaliti agar apa yang dilaksanakan seiring dengan keperluan negeri', perpindahan Roselina ke UMK telah diraikan oleh kakitangan UMSLink dalam satu majlis pada Mei lepas.